

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 25/04/2020
Edisi / Muka Surat : Nasional / 24
Tajuk : Co-opbank tawar RM20j bantu PKS

Co-opbank tawar RM20j bantu PKS

Co-opbank Pertama (CBP) memperuntukkan dana sebanyak RM20 juta bagi kemudahan pembiayaan kepada firma profesional serta koperasi dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), berasaskan aktiviti perkhidmatan dan pengguna di bawah Program CB-Prihatin (Profesional).

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Mohd Nor Abd Razak, berkata dana berkenaan adalah lanjutan Pakej Program CB-Prihatin yang diumumkan pada 8 April 2020 yang bertujuan membantu pihak yang terkesan akibat COVID-19.

“Pakej ini juga bertujuan membantu mengurangkan masalah aliran tunai j dan mengekalkan operasi perniagaan ketika menghadapi tempoh sukar.

“Pembiayaan CB-Prihatin Profesional ini akan merangkumi kos seperti fi pengarah dan gaji pekerja, pembayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh majikan, utiliti dan sewa premis,” katanya dalam satu kenyataan.